

D.R. 26/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keterangan (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 118

2. Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 118 dengan memotong perkataan “tender years,”.

Pemotongan seksyen 133A

3. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 133A.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keterangan 1950 ("Akta 56").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 118 Akta 56 untuk memotong perkataan "tender years" yang digunakan dalam seksyen itu berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] untuk memasukkan ke dalam Akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan. Dengan pindaan ini, kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memotong seksyen 133A Akta 56 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam Akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya dan untuk membenarkan Mahkamah mensabitkan seorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2953]